

09 NOV 2000

Apec-Putin

DR MAHATHIR ADAKAN PERTEMUAN DUA HALA DENGAN PUTIN DI BRUNEI

Oleh: Mohd Nasir Yusof

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual mengadakan rundingan dua hala dengan Presiden Rusia Vladimir Putin di samping menghadiri Mesyuarat Kelapan Pemimpin-pemimpin APEC yang akan berlangsung selama dua hari bermula 15 Nov di sini.

Pertemuan mereka ini, yang dijadualkan berlangsung pada petang 16 November, akan diadakan di Rumah Tetamu Darul Taqwa di Jerudong, tempat Dr Mahathir akan menginap sepanjang beliau berada di sini.

Menurut pegawai-pegawai Malaysia, kedua-dua pemimpin itu dijangka membincangkan perkara-perkara dua hala yang penting bagi Malaysia dan Rusia, termasuk isu-isu perdagangan dan global.

Perdana Menteri dijadualkan tiba di sini pada 14 November, lebih awal daripada tarikh sidang kemuncak pemimpin-pemimpin, yang akan dipengerusikan oleh Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei Darussalam.

Kesemua pemimpin dari 21 negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dijadualkan tiba di sini pada 14 Nov.

Selain pertemuan dengan Putin itu, Dr Mahathir juga dijangka mengadakan beberapa pertemuan dua hala dengan pemimpin negara-negara membangun.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dijadualkan tiba di sini pada 12 November bagi menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri APEC Ke-12.

Beliau juga dijadual mengadakan dua sidang akhbar bagi media Malaysia pada 12 dan 13 November untuk menjelaskan agenda Malaysia di mesyuarat itu.

Kesemua mesyuarat tersebut akan diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa berharga B\$90 juta yang baru sahaja diubahsuai.

Pusat tersebut, yang tersergam di atas kawasan seluas lebih 40,000 meter persegi, mempunyai dewan yang boleh memuatkan 5,000 orang.

Persiapan bagi mesyuarat peringkat menteri akan berakhir pada satu mesyuarat tidak rasmi pegawai kanan (SOM), yang akan berlangsung selama dua hari mulai esok. Ia adalah SOM keempat dan terakhir bagi APEC tahun ini.

Perwakilan Malaysia ke mesyuarat APEC 2000 terdiri daripada 27 pegawai serta 27 wartawan media cetak dan elektronik.

-- BERNAMA

MNY/DVS SHY KY JR